



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/03/18 (HQ)

PRU 14: ELAK LETAK BENDERA & SEPANDUK DI TIANG DAN KABEL ELEKTRIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan parti-parti politik yang akan bertanding dalam Pilihanraya Umum Ke-14 supaya tidak memasang bahan-bahan kempen seperti bendera atau sepanduk parti di tiang, kabel, peti pembekal, pencawang dan pepasangan elektrik lain dalam kegairahan mereka berkempen.

“Perbuatan itu mengundang bahaya kerana risiko terkena renjatan elektrik. Ia juga mungkin menyebabkan gangguan bekalan elektrik jika percikan arka (flashover) berlaku,” kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab. Rahman.

Aktiviti berbahaya ini juga menyalahi peruntukan **Seksyen 37**, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), iaitu merosakkan pepasangan elektrik.

Justeru beliau meminta kerjasama parti-parti politik supaya tidak meletakkan tiang bendera atau sebarang sepanduk berhampiran kabel atau pencawang elektrik. “Walaupun tiang bendera yang digunakan diperbuat daripada buluh, ia tetap berisiko untuk terkena renjatan.”

Roslan turut mengingatkan orang ramai akan bahaya memegang atau membawa tiang bendera di bawah mana-mana pepasangan elektrik kerana ia boleh menarik arus elektrik, sekali gus menyebabkan renjatan elektrik pada mereka yang berada berhampiran.

Menurutnya, TNB akan membuat pemantauan serta membuang bahan kempen yang diletakkan berhampiran pepasangannya jika berisiko tinggi kepada pengguna.

Orang ramai yang melihat sebarang keadaan yang boleh mengancam keselamatan atau menjelaskan bekalan elektrik, diminta merujuk Facebook TNB CareLine atau menghubungi TNB Careline di 15454 agar tindakan sewajarnya dapat diambil dengan segera.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Mac 2018, jam 12.00 tengahari

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau
E-mel ke media@tnb.com.my*